

KESIMPULAN

KESIMPULAN

A. PENDAHULUAN

Setelah mengkaji secara menyeluruh terhadap aspek-aspek yang berkaitan dengan cukai pendapatan individu, zākāt *jizyāh*, *uṣhr* dan *khārāj* dengan memberikan tumpuan kepada jenis-jenis pendapatan harta yang boleh dikenakan dari segi nisbah, *hāwl* atau tempoh asas pengenaan cukai dan juga kadar-kadar yang dikenakan, orang-orang yang dikenakan, barulah kita dapat menggariskan tentang beberapa perkara yang boleh dianggap sebagai ciri-ciri perbezaan dan persamaan yang boleh dijadikan asas kepada tujuan kajian ini dilakukan.

B. ASPEK-ASPEK PERBEZAAN

1. Bidang Pengenaan Cukai

Pengenaan zakat ialah di atas nilai barang perniagaan itu sendiri, iaitu stok akhir yang masih ada

di tangan dan nilai stok akhir ini mestilah mengikut harga pasaran semasa.¹

Penilaian barang dagangan adalah berdasarkan harga jualan semasa. Zākāt perniagaan ini hendaklah di keluarkan apabila cukup *hāwlnya*.

Sebuah hadith di riwayatkan oleh Abi Wahab:

Yang bermaksud:

"*Sesuatu harta itu tidak diwajibkan zakatnya melainkan apabila ia cukup haul nya*"²

Penilaian barang dagangan ini hendaklah mengikut tempat lokasi barang tersebut. Sebagai contoh, jika barang-barang tersebut hendak di ekspor ke sebuah negara lain, penilaiannya mestilah berdasarkan kepada harga barang di pasaran di negara berkenaan.³

Majoriti ulama' fiqh menyokong dasar ini manakala konsep pengenaan cukai pendapatan adalah berasaskan kepada keuntungan bersih perniagaan. Keuntungan bersih ini diperolehi dari jumlah nilai jualan dicampurkan nilai

stok yang ada di tangan, di tolak dengan nilai pembelian barang perniagaan yang dicampur dengan nilai stok (barang perniagaan) yang ada di tangan semasa memulakan perniagaan di awal tahun, serta menolak semua perbelanjaan mengurus perniagaan itu sepanjang tempoh tahun asas perniagaan itu.⁴

2. Tempoh Asas

Tempoh asas setahun untuk menentukan genapnya *hāwl* zakat adalah mengikut tahun *Qāmāriah* (kiraan bulan (lunar) sedangkan tempoh (tahun) asas cukai adalah berdasarkan kepada tahun *Shāmsiyāh* kalender 'Gregorian' atau tahun Masehi. Terdapat perselisihan di atas dua jenis tahun asas ini dari segi bilangan hari tahun *Qāmāryah* kurang dari tahun kelender Gregorian Masehi. Perbezaan ini memerlukan sedikit pelarasan bagi menyamakan jumlah keuntungan atau barang perniagaan yang di kaitkan dengan *hāwl* dan tahun bagi sesuatu perniagaan.

3. Kadar Zākāt

Kadar bayaran zākāt adalah tetap, ianya tidak boleh diubahsuai kerana sudah ditentukan oleh al-Qur'an dan al-Hadith. Nisābnya pula adalah lebih rendah dan ini tidak

membebankan atau menyusahkan mereka yang tidak berkemampuan.

Ketiga-tiga aspek yang disebutkan tadi memberi implikasi kepada perkara-perkara yang berikut:

- i. Amaun cukai yang dikenakan ke atas seseorang individu itu ternyata jauh lebih besar disebabkan kadar cukai yang progresif.⁵ Semakin besar pendapatan keuntungan yang diperolehi oleh seseorang itu semakin besarlah cukai yang dikenakan bayarnya. Golongan yang benar-benar kaya akan memberi sumbangan yang lebih besar kepada pemerintah dari segi hasil. Dari segi keadilannya orang yang kaya akan mengagihkan sebahagian daripada kekayaannya kepada golongan miskin melalui saluran-saluran pembangunan sosial yang disediakan oleh pemerintah, ini meliputi kehendak atau tujuan utama sistem sesuatu cukai itu diperkenalkan.⁶
- ii. Di bandingkan dengan amaun yang dikenakan zakat di atas jumlah pendapatan bersih seseorang itu, jumlahnya jauh lebih kecil dari cukai pendapatan walaupun dari segi faktanya orang itu mempunyai harta dan pendapatan yang banyak.

merupakan suatu kewajipan yang bersifat keagamaan namun setiap pemerintah boleh menguatkuasakannya melalui saluran peraturan-peraturan yang digubal khas seperti enekmen-enekmen pentadbiran agama di setiap negeri di Malaysia pada hari ini. Matlamat kedua-duanya adalah untuk membina masyarakat yang adil dan bersatu padu.

- b. **Faedah atau pulangan** - pembayar cukai dan zākāt tidak mendapat apa-apa pulangan atau manfaat tertentu dari apa yang mereka bayar. Orang kaya membayar lebih sedangkan orang yang berpendapatan sederhana hanya sedikit dan yang miskin tidak perlu membayar apa-apa cukai pendapatan pun. Cuma dari segi manfa'at semua ahli masyarakat dapat merasai dan menikmati kemudahan awam yang disediakan oleh pemerintah atas biayaian wang kutipan cukai keseluruhannya.¹⁰
- c. **Keadilan** - semua sistem percukaian yang terdapat di dunia ini mempunyai unsur keadilan. Zākāt menjadi istimewa dengan keadilan tertentu, cukai pula dikenakan untuk mencapai keadilan yang relatif (*nisbi*). Zākāt -

difardukan atas harta orang yang berkemampuan bagi menolong mereka yang tidak berkemampuan.¹¹ Pada zaman awal pemerintahan Islam cukai kepala (*jizyāh*) di kenakan ke atas orang kafir yang tinggal di negara Islam, sebagai balasan kepada jaminan¹² keselamatan nyawa dan harta benda mereka, ianya satu keadilan kepada mereka.

- d. Tanggungan individu - dalam keadaan pengiraan cukai pendapatan ke atas pendapatan perniagaan, pendapatan yang hendak dikenakan cukai ialah pendapatan bersih iaitu ditolak semua perbelanjaan yang di buat bagi menghasilkan pendapatan kasar. Selepas seseorang individu itu diberi pula pelepasan untuk dirinya (RM 5,000) dan tanggungannya , iaitu isteri (jika tidak bekerja) sebanyak RM 3,000 dan anak-anak RM 800 bagi setiap orang. Ditambah lagi kos perubatan kedua ibi ~~bapa~~ sebanyak RM 5,000. Manakala zākāt pula, majoriti ulama' bersetuju supaya keperluan asas seseorang individu itu ditolak dari pendapatan wajib zākātnya bagi mengurangkan beban tanggungannya. Keperluan asas termasuklah perbelanjaan ahli keluarga dan pembayaran hutang.

- e. **Pengiraan sekali setahun** - sama ada cukai atau zākāt ia hanya di kenakan sekali sahaja dalam tempoh satu tahun. Tidak ada konsep pengenaan zākāt dua kali setahun, kerana ianya bertentangan dengan syariat Islam.

Mengikut perjanjian ini setiap negara bersetuju tidak mengenakan cukai lagi di atas pendapatan yang sudahpun dikenakan cukai di sesebuah negara.¹³ Tujuannya untuk meringankan beban seorang individu itu daripada membayar dua kali cukai di atas pendapatan atau perolehan yang sama yang diperolehi dari sebuah negara lain. Misalnya sebuah Syarikat Singapura yang bermastautin di Malaysia boleh membayar dividen Singapura dan memotong cukai yang patut dikenakan ke atasnya, dan dividen tersebut tidak lagi dikenakan cukai di Malaysia.¹⁴

C. KESAN PEMBERIAN REBAT ZĀKĀT

Pemberian potongan rebat zākāt di Malaysia diperuntukan dalam Seksyen 6A, Akta 1967 No. 43 (Akta 53) memberi kesan yang negatif ke atas hasil (kutipan) dari cukai pendapatan dan fenomena ini sudah tentu akan mengurangkan jumlah kutipan hasil Kerajaan Pusat keseluruhan. Ini telah berlaku sebagaimana berikut:

- i. Lihat dalam contoh pengiraan cukai penapatan individu ke atas pendapatan perniagaannya. Cukai yang kena dibayar ialah RM212.80. Setelah ditolak rebat persendirian dan isteri serta zākāt, tidak ada amaun cukai yang perlu dibayar pada tahun Taksiran 1998.
- ii. Perbandingan ini menunjukkan kesan yang sedikit di atas cukai dari penggajian. Dalam contoh yang dikemukakan cukai pendapatan yang kena dibayar oleh seorang individu itu masih lagi tinggi, walaupun amaun rebat zākātnya juga besar, tetapi oleh kerana kadar cukai yang

dikenakan ke atas individu 'A' tersebut tinggi (30%) pengurangan cukai tidak begitu ketara.

Dari kedua-dua analisis di atas, boleh diambil beberapa kesimpulan seperti berikut:

- i. Golongan berpendapatan tinggi (kaya) tidak mendapat apa-apa manfaat dari potongan rebat zākāt. Mereka perlu bayar cukai dan zākāt kedua-duanya sekali.
- ii. Golongan berpendapatan sederhana dan rendah akan menerima kesan faedah dari sistem pemberian rebat zākāt ini, kerana mereka hanya perlu membayar zākāt sahaja.

D. CADANGAN PERUBAHAN UNDANG-UNDANG CUKAI DI MALAYSIA

Menunaikan zākāt adalah suatu perbuatan yakni amalan yang baik dan zākāt itu sendiri suatu kewajipan yang jika ditinggalkan daripada melakukannya oleh orang-orang mempunyai pendapatan atau harta yang cukup *nīsāb* dan *hāwl*nya adalah suatu dosa yang besar; dan akan menapati pembalasan yang sewajarnya iaitu azab yang pedih di akhirat kelak.

Oleh kerana ianya suatu ibadat kepada Allah S.W.T, maka ahli-ahli fiqh berpendapat mengatakan bahawa niat adalah menjadi syarat penunaian zākāt. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w:

نَفْعُ الْأَعْمَالِ بِالنِّيَّاتِ

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya seluruh amalan itu hendaklah dengan niat"¹⁵

Oleh itu pembayaran zākāt tidak boleh diniatkan untuk tujuan mengurangkan atau menghapuskan sama sekali tanggungan cukai pendapatan seseorang individu itu. Zākāt mempunyai fungsi atau hikmatnya yang tersendiri; tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana *infak* (sumbangan harta) yang dianjurkan oleh Syariat Islam. Zākāt mempunyai beberapa tujuan yang begitu suci sebagaimana yang disebutkan oleh Allah s.w.t antaranya ialah:

- i. Zākāt mengeratkan/merapatkan hubungan hamba dengan penciptanya;
- ii. Zākāt membersih dan mensucikan jiwa (roh);
- iii. Zākāt menyubur dan membersihkan harta;
- iv. Zākāt menolak bencana dan menghapuskan dosa-dosa mereka yang menunaikannya; dan

v. Zākāt merupakan sebaik-baik cara untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam masyarakat.

Sebagai pilihan kepada amalan yang ada sekarang adalah lebih tepat sekiranya dilaksanakan langkah-langkah yang berikut:

i. Rebat zākāt seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 6A, Undang-undang Cukai Pendapatan, 1967 (No. 47 Akta 53) itu dihapuskan. Ini bererti dalam pengiraan cukai pendapatan seorang individu muslim, tidak ada lagi potongan untuk rebat zākāt.

ii. Cukai pendapatan seseorang itu adalah dianggap sebagai hutang bagi seseorang individu itu. Oleh itu ianya hendaklah ditolak dari pendapatan wajib zākāt sama seperti keperluan asas dan hutang atau belanja pengurusan kerja sebelum mengenakan kadar zākāt.

Sebagai contoh kita gunakan angka-angka yang terdapat dalam contoh pengiraan zākāt pendapatan perniagaan:

Pendapatan wajib zakat		RM53,300.00
Tolak: Sipiutang	12,000	
Keperluan asas	4,500	
Cukai pendapatan	212	RM16,712.00
	-----	-----
		RM36,588.00

Kadar zakat 2.5% @ 36,588		RM 914.70
Zakat wajib dibayar ialah		RM 914.70
		=====

Bagi pengiraan zākāt pendapatan penggajian, hendaklah diambil angka dari contoh pengiraan cukai pendapatan penggajian bagi individu 'A'.

Pendapatan wajib zakat	RM207,825.00
Tolak: Cukai pendapatan	61,807.00

	RM146,018.00
Kadar zakat 2.5% @ 146,018	RM 3,650.45
Zakat wajib dibayar ialah	RM 3,650.45
	=====

Kesan Kepada Individu (Pembayaran cukai dan zākāt)

i. Sebelum pengubahsuaian; kedudukannya seperti berikut:

Perniagaan

a. Cukai kena bayar	=	Tiada
b. Zakat wajib bayar	=	920.00
Jumlah tanggungan	=	920.00
		=====

ii. Selepas pengubahsuaian

Perniagaan

a.	Cukai kena bayar	=	102.80
b.	Zākāt wajib bayar	=	914.70
	Jumlah tanggungan	=	1,017.50

Menunjukkan jumlah tanggungan seorang individu Muslim itu bertambah sebanyak RM97.50.

i. Kedudukan sebelum pengubahsuaian:

Penggajian

a.	Cukai kena bayar	:	56,611.88
b.	Zakat wajib bayar	:	5,185.62
	Jumlah tanggungan 'A'	=	61,807.52

ii. Kedudukan selepas pengubahsuaian

Penggajian

a.	Cukai kena bayar	=	61,807.00
b.	Zakat wajib bayar	=	3,650.45
	Jumlah tanggungan 'A'	=	65,457.45

Jumlah tanggungan individu 'A' bertambah sebanyak RM3,650.45.

E. KESAN KEPADA PEMERINTAH (KERAJAAN)

Kedua-dua jenis cukai perniagaan dan penggajian telah bertambah sebanyak RM97.50 (perniagaan) dan RM3,650.45 (penggajian). Jika kita agihkan mengikut bidangkuasa masing-masing iaitu cukai untuk Kerajaan Pusat Zākāt untuk pihak berkuasa negeri ia akan menunjukkan begini:

Kerajaan Pusat

1. Sebelum pengubahsuaian:

Cukai Perniagaan	-	Tiada
Cukai Penggajian	-	RM56,611.88
Jumlah hasil cukai	-	RM56,611.88

2. Selepas pengubahsuaian:

Cukai Perniagaan	-	RM 102.80
Cukai Penggajian	-	RM61,807.50
Jumlah hasil cukai	-	RM61,910.30

Pihak Berkuasa Agama Negeri

1. Sebelum pengubahsuaian:

Zākāt Perniagaan	-	RM 920.00
Zākāt Penggajian	-	RM5,195.62
Jumlah hasil cukai	-	RM6,115.62
		=====

2. Selepas pengubahsuaian:

Zākāt Perniagaan	-	RM 914.70
Zākāt Penggajian	-	RM3,650.45
Jumlah hasil cukai	-	RM4,565.15
		=====

Perbandingan di atas menunjukkan Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab ke atas pengutipan cukai pendapatan akan mendapat pertambahan hasil sebanyak RM3,650.45 dan Kerajaan Negeri (pihak berkuasa agama) pula akan menanggung pengurangan hasil zakat sebanyak RM1,550.47.

Secara keseluruhannya sekiranya cadangan ini dilaksanakan kerajaan Pusat melalui agensinya Lembaga Hasil Dalam Negeri dijangka akan mendapat mengutip lebih banyak hasil.

NOTA HUJUNG

1. Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, hal. 150.
2. Al-Jayzyyah, ibn Qayyim, *op.cit.*, hal. 447.
3. Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, hal. 150.
4. Dato Hassan Ibrahim, *op.cit.*, hal. 28.
 ;
5. Lihat Kadar Cukai Bahagian I:

Pendapatan	Kadar Cukai	Cukainya
2,500	yang pertama	0%
2,500	yang berikutnya	2%
5,000	yang berikutnya	4%
10,000	yang berikutnya	6%
15,000	yang berikutnya	10%
15,000	yang berikutnya	16%
20,000	yang berikutnya	21%
30,000	yang berikutnya	26%
50,000	yang berikutnya	29%
150,000	yang berikutnya	30%

6. Dr. Hailani Muji Tahir, *op.cit.*, hal 117.
7. Muhammad Kamal Atiqah, *op.cit.*, hal 269.
8. *Ibid.*, hal. 269.
9. Muhammad Kamal Atiyah, *op.cit.*, hal. 267.
10. *Ibid.*, hal. 267.
11. *Ibid.*, hal. 267.
12. *Ibid.*, hal. 268.
13. Persetujuan Percukaian Dua Kali:
 - i. Jika Menteri melalui Perintah Statutiori menetapkan bahawa:
 - a. Persetujuan yang dinyatakan dalam perintah telah dibuat oleh kerajaan dengan kerajaan mana-mana Wilayah luar Malaysia dengan satu persetujuan memberi pelepasan, dari percukaian dua kali berkaitan dengan cukai di bawah Akta ini dan apa-apa cukai asing wilayah itu.

14. Pak Say Yoong, *Singapura Taxation*, Butterwoth, 1985
Double Taxation Aggrement Between Singapore and
Malaysia 7(3) & 4 hal. 365.
15. Abi Abdullah Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari - *Shahih
al-Bukhari* al-Maktabah al-Islamiah, Istanbul,
Turkey, (t.t) Jil. II, hal. 1.